

PLUS LAUNG KOMITMEN ‘NET ZERO’

Petaling Jaya, 6 Jun 2023:- Bertepatan dengan sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia, PLUS Malaysia Berhad (PLUS), pengendali lebuh raya yang utama di Malaysia, mengorak langkah dalam memajukan kelestarian melalui komitmen untuk mencapai sasaran *Net Zero* menjelang tahun 2050, selari dengan aspirasi negara. Ini termasuklah komitmen jangka masa pendek untuk mengurangkan pelepasan gas rumah hijau (GHG) dalam ekosistem operasi lebuh rayanya sebanyak 35% menjelang 2030 berbanding tahun 2017.



Komitmen ini adalah berdasarkan kepada pencapaian PLUS dalam mengurangkan penggunaan tenaga sebanyak 25% melalui pelaksanaan pelbagai langkah kecekapan tenaga seperti pengubahsuain lampu LED dan pemanfaatan tenaga boleh diperbaharui melalui pemasangan panel solar di pejabat dan kawasan rehat, di mana PLUS telah menerima beberapa pengiktirafan dan anugerah tenaga di peringkat kebangsaan dan serantau. Bertitik-tolak daripada kejayaan yang signifikan ini, PLUS bertekad untuk memberikan sokongannya terhadap sasaran *Net Zero* 2050 negara dengan mengoptimumkan tenaga boleh diperbaharui, mempraktikkan amalan mobiliti rendah karbon, memanfaatkan penyelesaian berdasarkan alam semula jadi dan menggalakkan pemikiran serta budaya ekonomi kitaran.

Pengarah Urusan PLUS, Datuk Nik Airina Nik Jaffar berkata, “Sebagai pengendali lebuh raya yang terbesar di Malaysia, kami percaya kami berupaya untuk menerajui kelestarian dalam memajukan industri lebuh raya. Komitmen kami terhadap sasaran *Net Zero* membolehkan kami menerajui inovasi dan kerjasama yang akan menyumbang kepada pembangunan negara.”



MEDIA RELEASE

Beliau seterusnya menekankan, "Bagi mencapai misi kami bagi menghubungkan komuniti untuk mencorakkan masa hadapan yang selamat dan lestari, kami juga komited untuk beroperasi secara bertanggungjawab terhadap alam sekitar dan sosial sambil mengamalkan amalan tadbir urus yang baik."

PLUS bakal melancarkan Laporan Kelestarian pada penghujung bulan ini di mana ia akan memaparkan penzahiran yang menyeluruh terhadap usaha-usaha syarikat yang berterusan dalam mencorak masa hadapan yang lestari.

-TAMAT-

PLUS UNVEILS ITS NET ZERO COMMITMENT

In conjunction with World Environment Day, PLUS Malaysia Berhad (PLUS), Malaysia's leading highway operator, takes a significant step towards advancing sustainability, through committing to a 2050 Net Zero Goal, aligned with national aspirations. This includes an interim-term target to reduce its greenhouse gas (GHG) emissions within its operations by 35% by 2030 against a 2017 baseline.



This follows PLUS' recent achievement of reducing 25% of its energy consumption through the implementation of energy efficient measures, such as retrofitting of LED lights and harnessing renewable energy through the deployment of solar panels at our offices and highway R&Rs. This has led PLUS to receive multiple national and regional energy recognitions and awards. Building on the momentum of this significant achievement, PLUS aims to strengthen its support towards the Nation's 2050 Net Zero Goal through optimizing the harnessing of renewable energy, adopting low carbon mobility practices, tapping on nature-based solutions and driving a circular economy mindset.

PLUS Managing Director, Datuk Nik Airina Nik Jaffar highlighted, "As Malaysia's largest highway operator, we believe in pioneering sustainability to advance the highway industry. Committing to a net zero goal will drive us towards innovation and collaboration which will contribute towards nation-building."



MEDIA RELEASE

She further emphasized, "To realize our mission statement in connecting communities to shape a safe and sustainable future, we are committed to operate in an environmentally conscious and socially responsible manner while upholding good governance."

PLUS will launch its Sustainability Report this month, providing comprehensive disclosure of the company's continuous progress commitment towards shaping sustainable futures.

-END-